

10 MAR 2000

Mahathir-Kerjasama

PELUANG KERJASAMA BANYAK TETAPI MALAYSIA TIDAK MINTA KEISTIMEWAAN

SUBANG, 10 Mac (Bernama) -- Indonesia dan Malaysia mempunyai banyak peluang untuk bekerjasama tetapi Malaysia tidak meminta sesuatu yang istimewa daripada republik itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita cuma hendak, kalau boleh, mereka menentukan cara-cara supaya kita boleh faham dan ikut segala peraturan dan undang-undang mengenai perdagangan dan pelaburan," kata Dr Mahathir di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, sekembalinya dari lawatan dua hari ke Indonesia hari ini.

Perdana Menteri berkata, "saya berpendapat bahawa kita mempunyai banyak peluang untuk bekerjasama tapi ada laporan yang dibuat kononnya Malaysia meminta sesuatu yang istimewa daripada Indonesia."

"Malaysia hanya meminta segala undang-undang pelaburan dan perdagangan dengan Indonesia ditentukan dan dimaklumkan kepada semua yang berdagang dengan negara itu termasuk Malaysia.

"Ini supaya kita lebih mudah mengadakan pelaburan dan perniagaan dengan Indonesia kerana negara itu kini dalam keadaan "transition," berubah daripada satu sistem kepada sistem yang lain," kata beliau.

"Dalam keadaan ini, kita tidak mengetahui prosedur-prosedur baru dan undang-undang baru atau peraturan baru, maka ini menyulitkan pelaburan ataupun perdagangan," katanya.

Dr Mahathir berkata Indonesia memerlukan perdagangan dan pelaburan untuk memulihkan ekonomi negara itu yang teruk terjejas akibat krisis kewangan pada 1997.

-- BERNAMA

GM NAK